

**PERISYTIHARAN JUALAN  
JUALAN LELONGAN AWAM**  
**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAIN**  
**Bil (23) dlm. PTK. 4.5.1.313/23**

Dalam Perkara Mengenai Seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965 dan, Dalam Perkara mengenai cagaran yang dipegang dibawah Hakmilik GM 1614, No. Lot 2413, Mukim Beserah, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur.

**DI ANTARA**

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) ...      PEMEGANG GADAIAIN**

**DAN**

- 1. KHAIRUL ANUAR BIN ABDULLAH  
(NO. K/P : 741125-06-5587)**  
**2. SURIYANI BINTI MAHAMED  
(NO. K/P : 780603-03-5334)**

**...      PENGADAI -  
PENGADAI**

Dalam Menjalankan Notis Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan yang bertarikh pada 11/6/2024 adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan atau wakilnya yang diberi kuasa dengan dibantu oleh Pelelong yang tersebut di bawah

**AKAN MENJUAL SECARA  
LELONGAN AWAM  
PADA HARI RABU, 27HB. NOVEMBER, 2024  
MASA 10.00 PAGI  
BERTEMPAT : BILIK GERAKAN DAERAH, ARAS 1,  
PEJABAT DAERAH & TANAH KUANTAN  
25990 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

**NOTA : Bakal-bakal Pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik Secara Rasmi di Pejabat Tanah yang berkenaan dan memeriksa harta tanah tersebut sebelum Lelongan.**

**BUTIRAN HAKMILIK HARTANAH:-**

NO. HAKMILIK	:	GM1614
NO. LOT/ P.T.	:	No. Lot 2413
MUKIM/DAERAH/NEGERI	:	Beserah/Kuantan/Pahang Darul Makmur
PEGANGAN	:	Selama-lamanya
KELUASAN TANAH	:	100 Meter Persegi /1,076 Kaki Persegi
CUKAI TAHUNAN	:	RM45-00
PEMILIK BERDAFTAR	:	KHAIRUL ANUAR BIN ABDULLAH (NO. K/P : 741125-06-5587) (1/2 BAHAGIAN) SURIYANI BINTI MAHAMEDA (NO.K/P : 780603-03-5334) (1/2 BAHAGIAN)
KEGUNAAN TANAH	:	Bangunan
SYARAT NYATA	:	Tanah ini hendaklah digunakan untuk satu unit Rumah Kediaman Teres sahaja.
SEKATAN KEPENTINGAN	:	Tiada (Tanah ini dalam KAWASAN REZAB MELAYU)
BEBANAN	:	Digadai kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) melalui No. Perserahan 8833/2007 bertarikh 5hb. November, 2007.

**LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH:**

Hartanah tersebut ialah Rumah Teres Satu Tingkat Kos Sederhana Unit Tengah yang beralamat pos di No.48, Lorong Taman Beserah 17, Perumahan Satelit, 26100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

**HARGA RIZAB:-**

Hartanah tersebut akan dijual tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM160,000.00** (Ringgit Malaysia : SATU RATUS ENAM PULUH RIBU SAHAJA).

Kesemua penawar dikehendaki mendepositkan wang cagaran 10% daripada harga rizab dalam bentuk **Bank Deraf** atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)**, sebelum Lelongan bermula dan bakinya hendaklah dijelaskan dalam tempoh **Seratus Dua Puluh (120) hari** daripada tarikh lelongan tersebut iaitu sebelum atau **pada 26hb. Mac, 2025** kepada **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)** dan lain-lain syarat yang terkandung di dalam syarat-syarat jualan lelongan. Harta tersebut akan dijual tertakluk kepada-syarat-syarat jual yang dipamerkan di papan kenyataan **Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan**.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi **TETUAN ABDUL RAZAK, ZULKIFLI & PARTNERS, Peguambela & Peguamcara** bagi pihak pemegang gadaian yang beralamat di **No.24A, Tingkat 1 & 2 (China Town), Jalan Putra Square, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur** (No.Tel : 09-5135171) (No. Fax : 09-5138171) (email: zulkiflimtermizi@gmail.com) (Ruj Fail : ARZP/L/LPPSA/3597(4)/23-min) atau pelelong yang tersebut di bawah.

**MANONMANI A/P A. POONGAVANAM**

Pelelong Berlesen  
No. 35A, Jalan 20,  
Taman Seri Bukit Bendera,  
28400 Mentakab,  
Pahang Darul Makmur.  
Tel : 016-9397961

**PROCLAMATION OF SALE**  
**ORDER FOR SALE IN INSTANCE OF CHARGE**  
Bil (23) dlm. PTK.4.5.1.313/23

In The Matter Of Section 263 The National Land Code 1965 AND in the matter of charge over land held under Title GM 1614, No. Lot 2413, Mukim of Beserah, District of Kuantan, State of Pahang Darul Makmur.

**BETWEEN**

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** ... **CHARGEES**

**AND**

- 1. KHAIRUL ANUAR BIN ABDULLAH**  
(NRIC NO : 741125-06-5587)  
**2. SURIYANI BINTI MAHAMED**  
(NRIC NO : 780603-03-5334) ... **CHARGOR**

In pursuance of the Notis of The Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan made herein on the 26/8/2024 it is hereby proclaimed that the Pentadbir Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan, with the assistance of the under mention Auctioneer

**WILL SELL BY**  
**PUBLIC AUCTION**  
**ON WEDNESDAY, THE 27<sup>th</sup> NOVEMBER, 2024**  
**AT 10.00 A.M.**  
**AT BILIK GERAKAN DAERAH ARAS 1,**  
**KUANTAN DISTRICT AND LAND OFFICE**  
**25990 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

**NOTE :** All prospective bidders are advised to conduct an official Title search at the relevant Land Office and also to inspect the subject property prior to the auction sale.

**DETAILS OF PROPERTY :-**

TITLE NO.	: GM 1614
LOT NO./ P.T.	: No. Lot 2413
MUKIM/DISTRICT/STATE	: Beserah/Kuantan/Pahang Darul Makmur
TENURE	: Freehold
LAND AREA	: 100 sq.meter /1,076Sq.ft
ANNUAL TAX	: RM45.00
REGISTERED OWNER	: KHAIRUL ANUAR BIN ABDULLAH (NRIC NO : 741125-06-5587) (1/2SHARE) SURIYANI BINTI MAHAMEDA (NRIC NO : 780603-03-5334) (1/2 SHARE)
CATEGORY OF LAND USE	: Building
EXPRESS CONDITION	: Tanah ini hendaklah digunakan untuk Satu Unit Bangunan Kediaman sahaja.
RESTRICTION-IN-INTEREST	: Tiada (Tanah ini dalam KAWASAN REZAB MELAYU)
ENCUMBRANCES	: Charged to LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) vide Presentation No : 8833/2007 dated 5 <sup>th</sup> November, 2007

**LOCATION AND DETAILS OF PROPERTY:-**

The subject property is Single-Storey Terres House Moderate Cost Central Unit it bears postal address is No.48, Lorong Taman Beserah 17, Perumahan Satelit, 26100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

**RESERVE PRICE:**

The property will be sold subject to a reserve price of **RM160,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : ONE HUNDRED AND SIXTY THOUSAND ONLY)**

All bidders are required to pay the deposit sum **10%** of the reserve price in the form of a **Bank Draft** in favour of **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)**, before the said auction and after successful bid the balance sum payable within **One Hundred And Twenty (120) days** before or on **26<sup>th</sup> MARCH, 2025** of the sale and also other condition stated in the condition of sale. The property will be sold subject to the Condition of sale as appearing in the Proclamation of Sale of the notice board of the Kuantan Land Office and elsewhere.

For further particulars, please contact **MESSRS ABDUL RAZAK, ZULKIFLI & PARTNES, Advocates & Solicitors** for the Chargee at No.24A, Tingkat 1 & 2 (China Town), Jalan Putra Square, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur (No.Tel : 09-5135171) (No. Fax : 09-5138171) (email: zulkiflimtermizi@gmail.com) (Ref No : ARZP/L/LPPSA/3597(4)/23-min) or the under mentioned auctioneer :-

**MANONMANI A/P A.POONGAVANAM**

Licensed Auctioneer

No. 35A, Jalan 20,  
Taman Seri Bukit Bendera,  
28400 Mentakab,  
Pahang Darul Makmur.  
Tel : 016-9397961

## **SYARAT-SYARAT JUALAN**

1. Semua pihak yang berhasrat untuk membuat tawaran di lelongan awam adalah dikehendaki menyediakan semasa lelongan di buka bayaran deposit secara **Bank Draft** kepada atas nama **Pemegang Gadaian** yang mana jumlahnya adalah sebanyak **10%** daripada harga rizab yang ditetapkan bagi harta tersebut.
2. Sesiapa yang ingin membuat tawaran dalam lelongan awam bagi pihak orang persendirian, Badan -Badan Berkanun atau Syarikat dikehendaki mengemukakan surat kebenaran yang mengatakan bahawa beliau mewakili orang persendirian, Badan-Badan Berkanun atau Syarikat. Bagi Tanah Simpanan Melayu hanya orang melayu sahaja yang dibenarkan untuk betindak sebagai ejen/wakil.
3. Pemegang gadaian adalah dengan ini bebas untuk membuat tawaran ketika lelongan tersebut dan sekiranya beliau berjaya membuat tawaran yang paling tinggi dan dengan itu menjadi pembeli.
4. Sesuatu lelongan itu hendaklah tidak kurang daripada tawaran yang terdahulu daripada atau suatu jumlah yang kurang daripada jumlah yang ditetapkan oleh **Pentadbir Daerah Dan Tanah Kuantan** pada masa lelongan dan ianya adalah sempurna apabila pelelong mengumumkan dengan ketukan tukul atau cara lain yang lazim dilakukan dan sebelum itu seorang yang membuat tawaran bolehlah menarik kembali tawarannya. Pada masa mengumumkan penyempurnaan jualan itu, pelelong hendaklah dengan serta merta mengisyiharkan bagi pendengaran umum nama pembeli yang sebenarnya.
5. Tertakluk kepada harga rizab, seseorang yang membuat tawaran yang paling tinggi dan diterima oleh **Pentadbir Daerah Dan Tanah Kuantan** akan menjadi pembeli. **Pentadbir Daerah Dan Tanah Kuantan** mempunyai hak untuk menolak apa-apa tawaran oleh mana-mana pihak. Jika apa-apa yang dipertikaian timbul mengenai tawaran yang paling tinggi oleh mana-mana pihak harta tersebut hendaklah atas opsyen **Pentadbir Daerah Dan Tanah Kuantan** dikemukakan untuk dilelong sekali lagi dan dijual semua atau pun **Pentadbir Daerah Dan Tanah Kuantan**, berkenaan boleh membuat keputusan mengenai pertikaian tersebut.
6. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-
  - a) Penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan iaitu **RM16,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : ENAM BELAS RIBU SAHAJA)**.
  - b) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian; atau
  - c) Dimana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya :-
    - i) Maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar ; dan
    - ii) Sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan kedalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.

- d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **26 haribulan Mac, 2025** dan bahawa hendak tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan ; dan
  - e) Dimana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267(A). Pihak Pemegang Gadaian mempunyai hak untuk menuntut daripada pembeli yang ingkar apa-apa kos penjualan semua bersama dengan sama ada pengurangan harga (jika ada) akibat jualan semula atau tiada jualan semula mengikut mana yang berkeaan.
7. Mula daripada masa harta tersebut dijual, ia hendaklah menjadi risiko tunggal pembeli jika berlakunya kerugian atau kerosakan kerana kebakaran atau kernalangan lain ataupun secara lain.
8. Pembeli hendaklah mengaku identiti harta yang dibeli olehnya dengan yang terkandung dalam dokumen munimen yang diberi oleh **Pemegang Gadaian** sebagai surat hakmilik harta tersebut atas bukti yang diberikan dengan membandingkan antara deskripsi butir -butir dan dokumen munimen itu masing-masing
9. Harta itu adalah dipercayai dan akan dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya yang timbul untuk mentakrifkan ia masing-masing dan tiada kesilapan kenyataan yang salah atau deskripsi yang salah akan membantalkan penjualan dantiada bayaran gantirugi yang akan dibuat
10. Harta tersebut hendaklah dijual tertakluk kepada syarat-syarat sedia ada didalam geran, pihak pemegang gadaian tidak akan bertanggungjawab untuk mengemukakan dan menyerahkan milikan kosong harga berkenaan kepada pembeli.
11. Apa-apa tunggakkan cukai, cukai pintu, cukai tanah kena bayar kepada kerajaan atau pihak berkuasa tempatan hendaklah dibayar dari harga penjualan dan boleh ditolak dari baki wang jualan (resit dikemukakan). Lain-lain bayaran yang berkaitan dengan pindahmilik selepas itu hendaklah ditanggung oleh pembeli berkenaan.
12. Jika berlaku apa-apa percanggahan, kenyataan yang salah atau kesilapan yang terdapat didalam terjemahan bahasa - bahasa lain mengenai butir-butir dan syarat-syarat di dalam ini, maka versi Bahasa Malaysia hendaklah digunakan.